



MAJLIS DAERAH SABAK
BERNAM

PELAN TINDAKAN INOVASI TAHUN 2020

BERDAYA·BERBAKTI·BERKUALITI



ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENDAHULUAN	MUKA SURAT
Tujuan	1
Latar Belakang	2-3
Rasional Untuk Meningkatkan Budaya Inovasi	4-5
Tafsiran Inovasi	6
BAB 2: PELAKSANAAN INOVASI	
Skop Pelaksanaan Inovasi	7
Struktur Pengurusan Organisasi Inovasi Majlis Daerah Sabak Bernam	8-9
Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi	10
Fungsi Unit Kualiti dan Inovasi	11
Fungsi KIK/Individu/Kumpulan	12
Program Dan Aktiviti Inovasi Dan Kreativiti	13-14
BAB 3: PERANCANGAN INOVASI	
Strategik Pembudayaan Inovasi Jabatan - Perancangan Tahun 2020	15-20
BAB 4: PENUTUP	21



BAB 1 : PENDAHULUAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pelan Tindakan Inovasi Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) ini disediakan bertujuan seperti berikut:
 - 1.1.1 Sebagai panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti inovasi;
 - 1.1.2 Sebagai panduan yang boleh digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat Majlis Daerah Sabak Bernam; dan
 - 1.1.3 Memberi pengiktirafan dan promosi terhadap hasil inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.



BAB 1 : PENDAHULUAN

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Cabaran utama Majlis Daerah Sabak Bernam ialah memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa seiring dan relevan dengan perubahan persekitaran, sosial dan ekonomi. Perubahan ini memerlukan perubahan kepada sistem penyampaian yang cekap dan inovatif dan dapat memenuhi atau melangkaui ekspektasi kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Cabaran-cabaran ini memberi kesan kepada sumber kewangan yang terhad dan keperluan kepada modal insan yang berkualiti;
- 2.2 Ke arah memenuhi ekspektasi ini, MDSB perlu lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan perkhidmatan yang selari dengan kehendak pelanggan. MDSB memerlukan idea, kreativiti dan pendekatan baru bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, berkesan dan mesra pelanggan;



BAB 1 : PENDAHULUAN

Latarbelakang

- 2.3 Sehubungan itu, MDSB perlu berani berubah dan mencuba pendekatan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif ke arah menepati perkembangan kehendak pelanggan. Budaya inovasi adalah sebahagian daripada gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong peningkatan daya saing Negara; dan
- 2.4 Selaras dengan surat pekeliling MAMPU bertarikh 29 Januari 2010 mengenai Panduan Peningkatan Budaya Inovasi dalam Perkhidmatan Awam kepada semua Jabatan dan Agensi supaya mewujudkan Unit Inovasi di organisasi masing-masing bagi memandu dan menyelaraskan program-program inovasi untuk Jabatan masing-masing.



BAB 1 : PENDAHULUAN

3. RASIONAL UNTUK MENINGKATKAN BUDAYA INOVASI

3.1 MDSB telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi Jabatan seperti pelaksanaan Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9001:2015 dan penerapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang merupakan asas bagi memastikan perkhidmatan MDSB yang berkualiti. Selain itu, MDSB telah menyetengahkan hasil inovasi kakitangan ke peringkat yang tertinggi dengan penganjuran Hari Inovasi Peringkat Jabatan pada setiap tahun.



BAB 1 : PENDAHULUAN

RASIONAL UNTUK MENINGKATKAN BUDAYA INOVASI

3.2 Cabaran dan perkembangan semasa memerlukan MDSB mengambil dan mengamalkan pendekatan yang lebih inovatif untuk terus menjadi organisasi yang relevan kepada masyarakat setempat. Jabatan perlu menyusun strategi untuk meningkatkan budaya inovasi berpandukan kepada rasional berikut:

- 3.2.1 Keperluan memenuhi perubahan ketara dalam kehendak pelanggan secara lebih berkesan;
- 3.2.2 Keperluan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum;
- 3.2.3 Keperluan memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu apabila kaedah-kaedah semasa didapati kurang berkesan; dan
- 3.2.4 Keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan sumber kewangan semasa.



BAB 1 : PENDAHULUAN

4. TAFSIRAN INOVASI

- 4.1 Inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan khususnya dalam penyaluran teknologi dan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan produktiviti dan nilai penyampaian dalam perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses pemerhatian atau diadaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan Jabatan dan pelanggan MDSB. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh terdiri daripada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi; dan
- 4.2 Inovasi yang dihasilkan bukan bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata, sebaliknya tumpuan hendaklah diberi kepada galakan inovasi secara berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi Jabatan ini.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

5. SKOP PELAKSANAAN INOVASI

- 5.1 Skop pelaksanaan inovasi MDSB adalah untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan. Fokus inovasi yang dirancang oleh MDSB berasaskan empat tunggak utama seperti berikut :
 - 5.1.1 Inovasi Berasaskan Teknologi;
 - 5.1.2 Perekayasaan Proses Kerja (*Business Process Reengineering*);
 - 5.1.3 Kumpulan Inovatif & Kreativiti; dan
 - 5.1.4 Promosi dan Pengiktirafan.

- 5.2 Sehubungan itu, semua Jabatan, Bahagian dan Unit perlu menggalakkan pembangunan dan pembudayaan inovasi yang menyokong skop yang dinyatakan di atas. Dalam konteks penyampaian, inovasi yang boleh dilaksanakan adalah dalam aspek pengurusan pelanggan, budaya kerja, pengurusan strategik, kepimpinan organisasi, sumber manusia dan aset, tadbir urus, inovasi kewangan, ICT dan lain-lain.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

6. STRUKTUR PENGURUSAN ORGANISASI INOVASI MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM


6.1 Struktur pengurusan organisasi inovasi diletakkan di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Sabak Bernam. Jawatankuasa Pemandu Inovasi diwujudkan bagi menentukan dasar, hala tuju dan strategi bagi menggalakkan perjalanan inovasi.

Unit Kualiti dan Inovasi bertindak sebagai penyelaras kepada jawatankuasa ini. Penubuhan struktur jawatankuasa ini diharap dapat merencanakan budaya inovasi di semua peringkat warga Jabatan.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

6. STRUKTUR PENGURUSAN ORGANISASI INOVASI MDSB





BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

7. FUNGSI JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI

- 7.1 Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D);
- 7.2 Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan;
- 7.3 Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif;
- 7.4 Memberi pengiktirafan kepada warga jabatan yang menghasilkan inovasi; dan
- 7.5 Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga jabatan.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

8. FUNGSI UNIT KUALITI DAN INOVASI

- 8.1 Menyelaras serta menilai pelaksanaan program dan pembudayaan inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi;
- 8.2 Menyediakan laporan penghasilan inovasi oleh warga jabatan yang berimpak tinggi;
- 8.3 Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Pemandu Inovasi;
- 8.4 Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi;
- 8.5 Meneliti cadangan-cadangan inovasi oleh KIK/Jabatan/Bahagian/Unit/Individu; dan
- 8.6 Menyelaras aktiviti-aktiviti pembudayaan inovasi.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

9. FUNGSI KIK/INDIVIDU/KUMPULAN

- 9.1 Menghasilkan idea-idea melalui percambahan fikiran dalam memperkayakan kreativiti dan inovasi;
- 9.2 Menyampaikan idea-idea penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan;
- 9.3 Merekayasa teknik proses kerja ke arah perkhidmatan yang cekap; dan
- 9.4 Menerima komen dari pelanggan MDSB terhadap penyampaian perkhidmatan dan mencipta teknik penambahbaikan.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

10. PROGRAM DAN AKTIVITI INOVASI DAN KREATIVITI

10.1 Bagi membudayakan inovasi dan kreativiti dikalangan pegawai di MDSB, program dan aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan seperti berikut :

BIL	PELAN TINDAKAN INOVASI	RINGKASAN
1.	Menubuhkan Unit Inovasi	Unit ini boleh ditubuhkan melalui melebarluaskan skop Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan berfungsi untuk menyelaraskan program inovasi Jabatan.
2.	Mesyuarat Inovasi diadakan mengikut keperluan dan perancangan. 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi; 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif.	Mesyuarat bagi tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi.
3.	Program Kesedaran Inovasi	Sesi ceramah, lawatan, perhimpunan bulanan, sudut maklumat bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran inovasi.
4.	Aktiviti Pengumpulan Inovasi daripada warga Jabatan	Menyediakan program/jadual untuk dapatkan cadangan inovasi dan kreativiti dari warga Jabatan.
5.	Pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Penubuhan KIK untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.



BAB 2 : PELAKSANAAN INOVASI

BIL	PELAN TINDAKAN INOVASI	RINGKASAN
6.	Sesi Perkongsian Ilmu	Sesi ceramah/perkongsian maklumat/pengalaman. Sesi ini boleh dilaksanakan secara bersama melalui slot di dalam Perhimpunan Bulanan, Majlis Bersama Jabatan, latihan dan di meja mesyuarat.
7.	Hari Inovasi	Sesi pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan inovasi.
8.	Promosi Inovasi	Aktiviti promosi inovasi yang diperakui melalui pameran, laman web dan lain-lain.
9	Pusat Koleksi Inovasi	Menyediakan tempat koleksi (model atau maklumat) inovasi untuk rujukan.



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11. STRATEGIK PEMBUDAYAAN INOVASI JABATAN PERANCANGAN TAHUN 2020

11.1 Program Kesedaran Memantapkan Program Kesedaran

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Memantapkan Program Kesedaran	i) Mengadakan taklimat mengenai Pengurusan Inovasi; dan	i) Bilangan taklimat; dan	1 kali	JKP
	ii) Mengadakan Promosi Pelan Tindakan Inovasi MDSB.	ii) Bilangan/kaedah promosi	3 kaedah	BTM/UKPA



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11.2 Pengurusan Idea Warga Jabatan

Mewujudkan mekanisme untuk menggalakkan pengumpulan cadangan/komen dan idea dari warga Jabatan

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Mewujudkan mekanisme pengumpulan idea dan inovasi	i) Mengadakan Hari Inovasi Jabatan; dan	i) Jumlah program;	i) 1 kali setahun (Mei Bulan Inovasi)	JKP/UKPA
	ii) Menyediakan saluran pembudayaan inovasi.	ii) Jumlah cadangan-cadangan pembudayaan inovasi.	ii) 2 cadangan	JKP



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11.3 Organisasi Pembelajaran

Menyediakan platform bagi memupuk budaya perkongsian ilmu.

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Menyediakan platform bagi memupuk budaya perkongsian ilmu	i) Mengadakan lawatan penandaarasan;	i) Bilangan lawatan;	i) 1 lawatan	JKP
	ii) <i>Knowledge Sharing</i> ; dan	ii) Bilangan perkongsian ilmu; dan	ii) 1 perkongsian (teks ucapan YDP semasa perhimpunan)	UKPA
	iii) Menggalakkan budaya membaca bahan-bahan ilmiah bagi setiap kakitangan dengan mengadakan Kempen Membaca.	iii) Bilangan program setahun.	iii) 1 program	UKPA



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11.4 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Mewujudkan Kumpulan KIK untuk melaksanakan inovasi melalui latihan-latihan serta memupuk semangat kerjasama dan berpasukan dengan menyertai pertandingan bagi membolehkan kumpulan menyalurkan idea ke peringkat lebih tinggi.

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Mempertingkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif	i) Mencipta dan menghasilkan projek KIK;	i) Bilangan projek	i) Satu projek setahun	Semua Jabatan
	ii) Memberi latihan KIK;	ii) Bil. latihan/program; dan	ii) 1 program	JKP
	iii) Menyertai Pertandingan di peringkat Daerah/Negeri/Kebangsaan/Antarabangsa.	iii) 1 projek dipertandingkan	iii) 2 penyertaan <ul style="list-style-type: none">• Pertandingan KIK Negeri Selangor;• Anugerah Inovasi Negeri Selangor.	Kumpulan KIK



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11.5 Promosi

Memberi sokongan dan mempromosikan hasil inovasi yang dilaksanakan dengan jayanya kepada warga Jabatan.

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Meningkatkan hebahan Inovasi melalui pelbagai saluran	i) Majlis/Program MDSB;	i) Bilangan Hebahan;	i) 4 saluran hebahan	UKPA
	ii) Mewujudkan ruang untuk promosi dan hebahan inovasi; dan	ii) Bilangan promosi dan hebahan; dan	ii) 1 ruang/ sudut hebahan	UKPA
	iii) Penghasilan artikel inovasi	iii) Bilangan artikel setiap tahun	iii) 2 kali setahun	UKPA



BAB 3 : PERANCANGAN INOVASI 2020

11.6 Pengiktirafan

Memberi penghargaan dan anugerah yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi.

Inisiatif	Aktiviti	Indikator	Sasaran	Tindakan
Memberi penghargaan yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan idea inovasi.	i) Memberi Sijil Penghargaan dalam semua aktiviti dan sumbangan jabatan.	i) Peratus sijil yang diberikan kepada urus setia, peserta dan pemenang.	i) 100%	JKP



BAB 4 : PENUTUP

12. PENUTUP

- 12.1 Pelan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam untuk meningkatkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inovatif dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan semasa; dan
- 12.2 Dengan adanya pelan ini, diharapkan usaha mewujudkan pelbagai inovasi kepada setiap warga MDSB dapat dijayakan ke arah melahirkan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra.

Disediakan oleh:

**Unit Kualiti Dan Inovasi,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Sabak Bernam**